



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Promosi Ampang Jaya sebagai hab sukan duathlon | 22 |
|--|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Promosi Ampang Jaya sebagai hab sukan duathlon
Muka Surat	22

*SH 01/22
15/12/2017*
Promosi Ampang Jaya sebagai hab sukan duathlon

TAMAN MELAWATI - Cabaran Ampang 2017 (Ampang Duathlon) yang julung kali dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mampu menjadi platform dalam mempromosikan sukan duathlon dalam kalangan masyarakat umum serta penggemar aktiviti sukan itu.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, program itu dilaksanakan bagi mencapai objektif iaitu mempromosikan Selangor khususnya daerah Ampang Jaya sebagai salah satu hab sukan duathlon di Malaysia.

"Melalui promosi yang giat ini, secara langsung ia akan menarik lebih ramai lagi individu menyertai sukan ini selain menarik atlet dalam dan luar negara menyertainya," katanya.

Abd Hamid berkata, terdapat dua kategori bagi Cabaran Ampang (Ampang Duathlon) iaitu Terbuka Individu Lelaki dan Wanita yang mampu dihadkan kepada 300 peserta sahaja.

"Manakala kategori yang kedua pula adalah Relay Berkumpulan / Team Relay Open - dua peserta di dalam satu pasukan yang mampu dihadkan kepada 100 kumpulan.

"Bagi kedua-dua kategori ini akan melibatkan acara berlari, berbasikal, Cabaran Fizikal dan Ujian Misteri.

"Dua lagi acara tambahan adalah Ampang Trail Run, ia terhad kepada 250 penyertaan saja yang melibatkan acara berlari sejauh lapan kilometer.

"Kita turut menyediakan acara Ampang Kids Challenge, peserta adalah daripada kanak-kanak berusia empat hingga sembilan tahun. Penyertaan terhad kepada 250 penyertaan saja dan acara ini akan melibatkan acaralarian, berbasikal, cabaran fizikal dan ujian misteri," katanya.